

MAHATHIR - PERKAPALAN

(1)

1984

KUALA LUMPUR, 17 JULAI (BERNAMA) -- SEBUAH MAJLIS PENASIHAT PERKAPALAN NEGARA AKAN DITUBUHKAN TIDAK LAMA LAGI BAGI MENASIHATI KERAJAAN MENGENAI SEMUA PERKARA BERHUBUNG DENGAN PERKAPALAN DAN SYARIKAT-SYARIKAT PERKAPALAN KEBANGSAAN, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA PENUBUHAN MAJLIS ITU ADALAH UNTUK MEMASTIKAN BIDANG PERKAPALAN DIKEMBANGKAN SECARA BERKESAN.

DI SAMPING ITU, BEBERAPA STRATEGI SEDANG DIATUR UNTUK MENINGKATKAN TARAF SYARIKAT-SYARIKAT PERKAPALAN KEBANGSAAN MENJADI PERKHIDMATAN PERKAPALAN IMPORT DAN EKSPORT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN SEMINAR DUA HARI MENGENAI HUBUNGAN DAGANGAN TIDAK KETARA MALAYSIA-BRITAIN ANJURAN BERSAMA MAJLIS EKSPORT TIDAK KETARA BRITAIN DAN MAJLIS MENGENAI PERDAGANGAN TIDAK KETARA MALAYSIA DI SINI.

BELIAU MENEGASKAN MASIH BANYAK PERLU DIUSAHAKAN UNTUK MEMPERBAIKI PERKHIDMATAN PERKAPALAN DI NEGARA INI.

INI KERANA BAYARAN UNTUK PENGANGKUTAN MUATAN DAN INSURANS OLEH NEGARA INI BERJUMLAH HAMPİR \$3,000 JUTA TAHUN LALU. DARIPADA ITU, MALAYSIA MEMPEROLEHI HANYA \$600 JUTA. -- LAGI

1515MST 17 07 84

D656

RZB394 DEB

MAHATHIR - PERKAPALAN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA UNTUK MENGURANGKAN DEFISIT ATAS PERKAPALAN ITU, KERAJAAN TELAH MENGAMALKAN STRATEGI MENGGANTIKAN PELBAGAI PERKHIDMATAN YANG KINI DIIMPORT, TERUTAMA DENGAN MEMBELI MUATAN DALAM KAPAL (FOB) DAN TIDAK KOS INSURANS DAN MUATAN (CIF) DEMI MENJIMATKAN BAYARAN MUATAN.

BELIAU MENGAKUI ADALAH LEBIH MUDAH MEMBELI CIF DAN MENJUAL FOB KERANA TIDAK BANYAK PERLU DILAKUKAN DENGAN PIHAK-PIHAK LAIN YANG MENGENDALIKAN BARANGAN, MENDAPATKAN RUANG MUATAN DAN KAPAL DAN MEMBAYAR INSURANS DAN PELBAGAI AGENSI DAN ORANG YANG TERLIBAT DALAM BIDANG PENGANGKUTAN DAN PENGHANTARAN.

TETAPI, KATANYA, NEGARA INI AKAN MERUNGUT MENGAPA BARANG KELUARAN MALAYSIA TIDAK DIANGKUT OLEH KAPAL MALAYSIA ATAU DIINSURANSKAN DENGAN SYARIKAT MALAYSIA.

+MENGAPA PIHAK ASING YANG MEMBELI FOB ATAU CIF MAHU MENGGUNAKAN KAPAL KITA ATAU AGENSI KITA ATAU SYARIKAT INSURANS KITA?

+KITA TIDAK MENOLONG MEREKA. MENGAPA MEREKA HARUS MENOLONG KITA MEMPEROLEHI LEBIH WANG?+

PERDANA MENTERI MENCADANGKAN JIKA RAKYAT MALAYSIA INGIN MERAIHKAN KEUNTUNGAN MAKSIMUM, MEREKA HENDAKLAH CUBA MENGHANTAR BARANG MEREKA TERUS KEPADA PELANGGAN DAN MEMBELI BARANG MEREKA DI KILANG JIKA BOLEH. -- LAGI

1537MST 17 07 84

D657

R CXWYLXA PERKAIAL 73 KUALA LUMPUR

4878(9). TETAPI, JIKA ORANG LAIN BOLEH, MENGAPA KITA TIDAK BOLEH? SEKIRANYA KITA TIDAK MAMPU ATAU ENGGAN, LEBIH BAIK KITA BERHENTI MERUNGUT TENTANG KURANGAN TIDAK KETARA YANG DIALAMI.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA MENGIKTIRAF KEPAKARAN BRITAIN DALAM BIDANG PERKHIDMATAN KEWANGAN, PENANGGUNGAN DAN INSURANS SEMULA DAN PERKAPALAN, DAN BERHARAP MEREKA AKAN BEKERJASAMA DENGAN MALAYSIA UNTUK FAEDAH BERSAMA.

KATANYA DALAM BELANJAWAN-BELANJAWAN YANG LALU, KERAJAAN TELAH MENYEDIAKAN BANYAK GALAKAN UNTUK MENDORONG PELABURAN TEMPATAN DALAM KAPAL DAN PELBAGAI BIDANG LAGI.

DI SAMPING ITU, BANK PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN TELAH DITUGASKAN MENYEDIAKAN BANTUAN KEWANGAN DAN MENGGALAKKAN PELABURAN SWASTA DALAM PERKAPALAN SERTA UNTUK MEMPERTINGKATKAN KEUPAYAAN LIMBUNGAN KAPAL YANG ADA SEKARANG BAGI MENJALANKAN KERJA MEMBAIKI DAN MEMBINA KAPAL DEMI MEMENUHI PERMINTAAN DALAM DAN LUAR NEGERI. -- BERNAMA

1539MST 17 07 84